



**PENGERUSI**  
*Chairman*  
**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**  
*Public Services Commission Malaysia*  
**ARAS 13, BLOK F1, KOMPLEKS F**  
**NO. 2, LEBUH PERDANA TIMUR A, PRESINT 1**  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
**62000 PUTRAJAYA**

Telefon : 03-8091 9000  
Laman Web : <http://www.spa.gov.my>

Ruj. Kami : SPA.100-1/5/2 (21)

Tarikh : 7 Ogos 2024

3 Safar 1446H

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Dato' Seri/Datuk Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**KESEGERAAN MENGAMBIL TINDAKAN OLEH KETUA JABATAN DAN  
PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MELAPORKAN  
SALAH LAKU PEGAWAI KEPADA PIHAK BERKUASA TATATERTIB**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana yang dimaklumi, salah satu fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) selaras dengan Perkara 144(1), Perlembagaan Persekutuan adalah menjalankan **kawalan tatatertib** ke atas anggota-anggota perkhidmatan awam yang berada di bawah bidang kuasanya iaitu perkhidmatan awam am Persekutuan, perkhidmatan awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis. Bagi melaksanakan fungsi tersebut, SPA memainkan peranan sebagai **Pihak Berkuasa Tatatertib** dan juga sebagai **Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam (LRTT)**.



3. Dalam melaksanakan fungsi tersebut, SPA mendapati terdapat **kelewatan di pihak Ketua Jabatan atau pegawai yang bertanggungjawab** melaporkan salah laku pegawai yang melakukan kesalahan tata tertib kepada Pihak Berkuasa Tata tertib. Terdapat keadaan di mana laporan salah laku kepada Pihak Berkuasa Tata tertib telah dibuat selepas pegawai tersebut dinaikkan pangkat oleh Lembaga Kenaikan Pangkat atau menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Hal ini membangkitkan isu pemaafan (*condonation*) di pihak Jabatan.

4. SPA juga mendapati terdapat kes-kes di mana Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan membatalkan keputusan tindakan tata tertib oleh Pihak Berkuasa Tata tertib dan membebaskan pegawai atas alasan kelewatan Ketua Jabatan atau pegawai yang bertanggungjawab melaporkan salah laku pegawai kepada Pihak Berkuasa Tata tertib yang berkenaan. **Kelewatan** ini telah ditafsirkan oleh pihak Mahkamah sebagai **suatu pemaafan (*condonation*)** dan menyebabkan **tindakan tata tertib tidak lagi boleh diambil** terhadap pegawai.

5. Bagi kesalahan tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah, Ketua Jabatan atau pegawai yang bertanggungjawab **berkewajipan mematuhi** Peraturan 25 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tata tertib) 1993 yang mengkehendaki kesalahan tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah tersebut **dilaporkan seberapa segera yang mungkin** kepada Pihak Berkuasa Tata tertib yang berkenaan. Peruntukan Peraturan 25 tersebut adalah seperti berikut:

***“Peraturan 25. Prosedur dalam hal ketidakhadiran tanpa cuti.***

*(1) Jika seseorang pegawai tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah, **Ketua Jabatannya hendaklah, seberapa segera yang mungkin, melaporkan hakikat itu** berserta dengan tarikh-tarikh dan hal keadaan ketidakhadiran itu dan apa-apa maklumat selanjutnya berkenaan dengan ketidakhadiran itu kepada Pihak Berkuasa Tata tertib yang berkenaan.”*




6. Sehubungan itu, kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Dato' Seri/Datuk Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan selaku Ketua Jabatan atau Pengerusi Lembaga Tata tertib adalah dimohon untuk **mengambil perhatian serius** terhadap pemerhatian ini serta **mengambil tindakan dengan kadar segera, tepat dan teratur** dalam menguruskan kes tata tertib dan rayuan tata tertib selaras dengan prinsip keadilan asasi serta mematuhi prosedur dan peraturan yang digariskan.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' SERI DR. AHMAD JAILANI BIN MUHAMMED YUNUS)**